



Cabaran penuhi keperluan bekalan air di bandar

38 peratus daripada 3.3 bilion penduduk dunia tertumpu di bandar

TEMA 'Air Untuk Bandar: Keperluan dan Cabaran' sempena sambutan Hari Air Sedunia 2011 pada 22 Mac ini, dipilih Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) berdasarkan perubahan aliran kependudukan dunia yang menunjukkan 3.3 bilion adalah penduduk bandar yang jumlahnya akan terus meningkat dari semasa ke semasa.

Sebanyak 38 peratus penduduk dunia tertumpu di bandar yang semakin padat dan sesak menyebabkan banyak negara di dunia tidak berkemampuan dalam menyediakan pembangunan infrastruktur bagi memenuhi keperluan asas, termasuk bekalan air.

Sambutan tahun ini akan diadakan pada 12 Mac di Pekan River Front, Pekan, iaitu Bandar Diraja Pahang dengan majlis pelancaran dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Sri Mohd Najib bin Tun Razak.

Berikutan itu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas berkata fokus antarabangsa sempena sambutan Hari Air Sedunia 2011 memberi perhatian terhadap kesan akibat pertumbuhan pesat penduduk di kawasan bandar, perkembangan pembangunan industri, perubahan iklim dan bencana alam kepada sistem pengurusan air bagi memenuhi keperluan yang semakin meningkat hingga memungkinkan kekurangan bekalan.

"Matlamat utama tema tahun ini ialah meningkatkan tumpuan dan menggalakkan kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, komuniti dan orang ramai untuk membabitkan diri secara aktif bagi menjayakan pengurusan bersepadu air di bandar melalui pendekatan undang-undang, garis panduan dan kesedaran semua pihak menguruskan keperluan air di bandar yang mencukupi berdasarkan kemampuan mendapatkan bekalan air di negara masing-masing. "Hari Air Sedunia yang disambut setiap 22 Mac



MENTERI Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Douglas Uggah Embas.

adalah acara tahunan anjuran PBB sejak 1993 bertujuan meningkatkan kesedaran dan membaharui tekad semua lapisan rakyat di dunia untuk menangani krisis air menerusi pelan strategik antarabangsa serta tindakan setiap negara anggota," katanya.

Wawasan ini adalah perancangan dan pelaksanaan yang terkandung dalam "Millennium Development Goal" yang ditetapkan PBB 19 tahun lalu.

Sambutan ini adalah untuk memperbaharui tekad melaksanakan Agenda 21 Persidangan Alam Sekitar dan

Pembangunan (UNCED) pada 1992 mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan Mampan PBB. Agenda itu, antaranya menyatakan 'kawalan kualiti air dan sumber bekalan air bersih memerlukan tindakan bersepadu dalam pembangunan, pengurusan dan penggunaan air'.

Agenda air adalah Pelan Tindakan Sedunia (Global Plan of Action) yang mengandungi matlamat, prinsip, komitmen serta strategi ke arah menguruskan air secara lestari.

Sambutan peringkat antarabangsa pada 22 Mac 2011



MENCABAR...aktiviti berakit di Sungai Pahang antara aktiviti sambutan Hari Air Sedunia peringkat kebangsaan.

akan diadakan di Cape Town, Afrika Selatan, menumpukan perhatian kepada kepentingan air bersih dan menyokong pengurusan mengekalkan sumber air.

Sambutan Hari Air Sedunia 2011 peringkat kebangsaan pula akan dianjurkan Unesco - Program Antarabangsa Hidrologi Malaysia (Unesco - IHP Malaysia) manakala Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebagai penganjur utama dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Suruhanjaya Kebangsaan Unesco Malaysia serta kerajaan negeri Pahang.

Bersempena sambutan Hari Air Sedunia tahun ini, acara menarik Ekspedisi Berakit Sungai Pahang yang mengambil masa empat hari, akan diadakan dan majlis pelancaran ekspedisi berkenaan akan disempurnakan Tengku Mahkota Pahang pada 9 Mac di Chenor, Maran.

Pasukan ekspedisi menyusuri Sungai Pahang sejauh 120 kilometer itu akan sampai pada pagi 12 Mac (Sabtu) di tapak pelancaran sambutan Hari Air Sedunia di Pekan River Front, Pekan.

Selain itu, aktiviti yang turut diadakan pada 12 Mac ialah Pameran Hari Air Sedunia, peraduan melukis dan mewarna kanak-kanak dan penyampaian Anugerah Emas Tesis Hidrologi Terbaik bagi siswazah institusi

pengajian tinggi.

Pelbagai aktiviti akan diadakan sempena sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Kebangsaan iaitu Bengkel Kebangsaan Media dan Air, Kem Pemimpin Muda Prihatin Air dan Hari Terbuka Loji Rawatan Air.

Program pengisian sambutan peringkat kebangsaan ini adalah antara aktiviti utama Program Antarabangsa Hidrologi Malaysia (Unesco-IHP Malaysia) di bawah naungan Unesco untuk mempromosi dan menyelaraskan program pendidikan, saintifik serta pembangunan keupayaan hidrologi dan sumber air.

Program itu dilaksanakan melalui komitmen kerjasama rakan Unesco-IHP Malaysia yang bermatlamat membentuk integrasi di antara 30 rakan Unesco-IHP Malaysia dalam pelbagai aspek pengurusan sumber air secara lestari jangka panjang di Malaysia.

Melalui pendekatan lebih

komprehensif dalam pengurusan sumber dan bekalan air negara, ia akan dapat menangani beberapa cabaran, termasuk keperluan air yang meningkat, pengurusan sumber air secara cekap dan berkesan, pengurangan banjir serta memberi penekanan kepada keperluan mengekalkan pembangunan di satu tahap yang boleh ditampung oleh keupayaan lembangan sungai di samping melindungi dan memulih alam sekitar.

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan asas bekalan air bersih yang mencukupi untuk semua penduduk pada masa kini serta dan generasi akan datang dan sehubungan itu, urus tadbir sumber air di peringkat persekutuan dan negeri, akan dilaksanakan secara bersepadu membabitkan penyertaan semua pihak bagi menjamin keperluan sumber air negara sentiasa mencukupi, mematuhi tahap piawaian kualiti air ditetapkan serta selamat diminum.

AKTIVITI SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN

- Bengkel Kebangsaan Media dan Air di Putrajaya (21 - 22 Mac)
- Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Peringkat Kebangsaan di Tasik Chini (24 - 26 Mac)
- Hari Terbuka Loji Rawatan Air di seluruh negara (12 Mac - 12 April)

PENGANJUR UTAMA



United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization



Malaysia International Hydrological Programme



KEMAJU



MAMPU

DENGAN KERJASAMA




KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR



MAMPU



United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization



MAMPU